

## **Keanjalan Sifat Dan Peranan Dalam Gagasan Ilmu Tarannum : Suatu Tinjauan**

Muhammad Lukman B Ibrahim  
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
Tel: 0139355277 e-mail: zihin@yahoo.com

Mohd Azhar bin Abdullah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)  
Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan  
e-mail : [drhar68@gmail.com](mailto:drhar68@gmail.com)

### **Abstrak**

Al-Quran merupakan mukjizat Nabi Muhammad saw yang paling utama. Membaca, memahami dan beramal dengannya adalah termasuk dalam ibadat yang amat dituntut dalam agama Islam. Justeru, bacaan secara tarannum dan memperindahkan seni suara terhadapnya adalah tidak terkeluar dari dalam konteks ini. Ini akan menyerlahkan lagi sinar mukjizat tersebut kepada ummat. Artikel ini adalah bersifat kritikal dalam perbincangan sifat dan peranan setiap tarannum usul iaitu Bayyati, Saba, Hijaz, Nahawand, Rast, Sikah dan Jiharkah. Natijah dari perbincangan ini sering menghasilkan jawapan klise berkenaan sifat dan peranan tarannum. Adakah ilmu tarannum sudah tepu dan perlu kepada fleksibiliti yang menyeluruh? Artikel ini akan memberi penafsiran baru terhadap anggapan ini.

**Kata Kunci:** *Tarannum, sifat, peranan, keanjalan*

### **Pendahuluan**

Sebagaimana yang diketahui umum, AlQuran adalah kitab Allah yang maha Tinggi dan ketinggianannya adalah merangkumi dari pelbagai sudut. Keagungannya adalah termasuk segala aspek seperti bahasa, latarperistiwa yang berlaku samasa peristiwa silam, perbincangan sains yang tidak tergapai oleh akal dan lain-lain. Termasuk dalam perbincangan ini ialah aspek keperluan pembacaan AlQuran yang baik dan merdu sesuai dengan ketinggian ayat Allah ini. Dengan itu, perbincangan ini termasuk dalam perkara yang menunaikan hak tilawah AlQuran

## Sejarah Tarannum Al-Quran

Ilmu tarannum sudah wujud jauh sebelum kedatangan Islam. Setiap negara dan rumpun masyarakat cenderung mempunyai kepelbagaian suara yang indah dan merdu. Hal ini disebabkan oleh sifat manusia yang menyukai suara yang bagus. Bahkan suara yang bagus membangkitkan dan menguatkan jiwa, juga mententeramkan fikiran.

Setiap negara juga mempunyai alat muzik yang berbeza untuk menghasilkan bunyi yang menyenangkan. Contohnya, orang Melayu terkenal dengan gendang, orang Cina pula dengan alatan kecapi. Begitu pula masyarakat Arab dengan serunainya. Ini menjadi bukti bahawa suara yang baik tidak terpisah dan menjadi sebahagian dari kehidupan manusia.

Sabda Rasulullah saw

روحوا القلوب ساعة فساعة

*Maksudnya : Berilah kerehatan (kepada) kepada hatimupada satu ketika, kemudian pada waktu yang lain pula.*<sup>1122</sup>

Sayyidina ‘Ali pula berkata, “rehatkanlah hati kamu, sesungguhnya hati akan jemu dan keletihan sepertimana badan kamu.”<sup>1123</sup>

Golongan Masyarakat Arab adalah masyarakat yang sangat meminati bunyi bunyian yang indah atau pun dipanggil tarannum. Mereka sering digambarkan sebagai boleh menyanyi dan menari di mana sahaja mereka berada. Kanak-kanak menyanyi sambil bermain, ahli perniagaan menyanyi untuk menjual barangan mereka, dan wanita berkabung menyanyi untuk menyatakan kesedihan mereka atas kematian orang yang disayangi.<sup>1124</sup>

Ibn al-A‘rabi<sup>1125</sup> berkata : Orang Arab suka menyanyi dan menari sambil mengembara dengan unta atau bersantai di halaman rumah mereka. Inilah menjadi rutin harian mereka. Rasulullah saw sangat menginginkan agar kecenderungan mereka ini berubah kepada menjadikan Al-Quran sebagai wadah untuk mereka bertarannum.<sup>1126</sup>

---

<sup>1122</sup>al-Munawiy, Abd al-Ra‘uf bin Taj al-‘Arifin, al. (1356h), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami’ al-Saghir*, Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra Jld 4 hlm 53. Hadith ini mursal. Sila lihat ‘Abduh, Muhammad (1980m), *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta’ al-Misriyyah*, Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-‘Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf, Jld 10 hlm 368.

<sup>1123</sup>al-Munawiy, Abd al-Ra‘uf bin Taj al-‘Arifin (1356h), *op.cit.*, Jld 4 hlm 53.

<sup>1124</sup>al-Sa‘id Labib (1970m), *al-Taghanniy bi al-Quran*, al-Hay‘ah al-‘Ammah li al-Tawzi ‘ wa al-Nasyr, hlm 5.

<sup>1125</sup>Beliau ialah Abu ‘Abdullah Muhammad bin Ziyad bin al-A‘rabi al-Hasyimi (150-231H). Digelardengan imam dalamilmubahasa Arab.

<sup>1126</sup>al-‘Asqalani, Ahmad Bin ‘Ali Bin Hajar (1414h) , *op.cit.*, Jld.9 hlm 69, lihat juga Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963), *op.cit.*, Jld 3 hlm 391, lihat juga al-Zamakhsyari, Mahmud Bin ‘Umar (1979m), *op.cit.*, Jld 2 hlm 36, al-Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-‘Azim (1968m), *op.cit.*, Jld 4 240.

Kecenderungan dan minat mereka ini bukanlah perkara baharu sehingga Ibn 'Abbas menyatakan bahawa Nabi Dawud a.s diketahui mempunyai mukjizat suara yang sangat merdu dan telah membaca kitab Zabur dengan 70 (tujuh puluh) variasi tarannum yang berbeza. Ibn Abbas meriwayatkan,

أن داود كان يقرأ الزبور بسبعين لحنًا

*Maksudnya : Bahawa nabi Dawud a.s membaca kitab Zabur dengan 70 variasi tarannum.*<sup>1127</sup>

Baginda Daud a.s digambarkan akan terus membaca dengan penuh penghayatan dan sambil menangis, lalu kembali membaca kembali dan menangis lagi untuk kali yang seterusnya. Begitu pula, ia diikuti oleh haiwan-haiwan di daratan dan di lautan yang berdiam diri sambil memberi perhatian serta kusyuk bersama Baginda a.s.<sup>1128</sup>

Di zaman Rasulullah saw, ada sebahagian sahabat yang diiktiraf oleh Baginda saw dan dikenali sebagai Qari terkenal kerana mempunyai bacaan (dengan tarannum) yang baik dan suara yang merdu sehingga mendapat pujian dari Baginda saw sendiri.

Mereka adalah :

- 1) Abu Musa al-Asy 'ari
- 2) Ibn Mas'ud
- 3) Ubay bin Ka'b
- 4) Mu 'adh bin Jabal
- 5) Salim mawla Abi Huzayfah
- 6) Usayd bin Hudayr<sup>1129</sup>

Begitu pula di zaman tabi'in, 'Ubaydullah Bin Abi Bakrah al-Thaqafi (14–79 hijrah)<sup>1130</sup> telah dikatakan orang pertama membaca Al-Quran secara bertarannum. Kemudian ia diikuti oleh 'Ubaydullah bin 'Umar<sup>1131</sup> (70-149 hijrah). Variasi tilawahnya menjadi contoh ikutan dan di kenali dengan gaya bacaan al-'Umari.<sup>1132</sup>

Tiada sejarah khusus berkenaan ilmu tarannum Al-Quran yang didokumentasikan dan dapat dimanfaatkan oleh kita. Ia berpunca dari beberapa faktor :

---

<sup>1127</sup>al-'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar (1414h) , *op.cit*, Jld 9 hlm 71.

<sup>1128</sup>*Ibid*.

<sup>1129</sup>Kesemua mereka diberi pujian oleh Rasulullah ﷺ dan diriwayatkan di dalam *sahih* al-Bukhari dan Muslim.

<sup>1130</sup>beliau adalah anak salah seorang sahabat Rasulullah ﷺ iaitu 'Abu bakrah'. Seorang tabiin thiqah di Basrah.

Sila lihat Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963),*op.cit*,Jld3hlm391.

<sup>1131</sup>Beliau adalah 'Ubaydullah bin 'Umar bin Hafs bin 'Asim bin 'Umar al-Khattab. Salah seorang tabiin thiqah. Sila lihat Al-Dhahabi, Muhammad Bin Ahmad Bin 'Uthman(1413), *Siyar A'Lam Al-Nubala'*, Bayrut : Muassah Al-Risalah 6 hlm 304.

<sup>1132</sup>Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963),*op.cit*,Jld3hlm391.

- 1) Pertikaian ulama berkenaan hukum tarannum Al-Quran. Ada sebahagian ulama mengharamkan tarannum kerana ia dianggap boleh mempermainkan dan mempersendakan Al-Quran. Ada sebahagian berpendapat ia adalah makruh dan apa pula yang mengatakan sunat dan harus. Ia berdasarkan kepada sudut pandang dan situasi yang diperbincangkan.
- 2) Bakat dan kebolehan berbeza di kalangan orang awam. Ilmu tarannum memerlukan aset yang penting iaitu suara yang merdu, sedangkan suara yang merdu adalah anugerah Allah yang tidak mudah didapati dan dimiliki oleh sebahagian kecil masyarakat. Dengan itu ia hanya berkembang sekitar peminat ilmu ini dan mereka yang mempunyai bakat dalam bidang tarannum.
- 3) Ahli tarannum pula tidak cenderung untuk menulis dalam bidang ilmu ini. Ini berpunca bahawa tarannum diketahui dengan pendengaran dan bukan dokumentasi. Disebabkan faktor ini, para qari lebih menumpukan kepada bidang latihan suara dan tarannum berbanding dengan penulisan dan perkembangan dalam bentuk penulisan. Ini ternyata merugikan kerana secepat mana seorang qari pasti akan hilang di telan zaman sedang ilmu pasti akan berterusan selamanya.

Menurut Dato' Haji Nik Jaafar<sup>1133</sup>, ilmu tarannum bermula berdasarkan beberapa unsur berikut :

- 1) Bunyian gisiran kayu
- 2) Bunyi tiupan angin
- 3) Bunyi kicauan burung
- 4) Bunyi air yang mengalir.

Seterunya bunyi bunyian ini diolah oleh ahli-ahli muzik dan penyair sehingga menjadi beberapa nada dan irama yang diminati disetiap bangsa malahan menjadi budaya di kalangan mereka.<sup>1134</sup>

Syaykh Muhammad Salih al-Fattani<sup>1135</sup> menyebutkan bahawa asal tarannum Arab adalah dari Yunani. Ia dipelopori oleh seorang pakar muzik yang bernama Batalimus al-faylasuf atau lebih dikenali dengan Ptolemy.<sup>1136</sup> Kemudian ia diikuti oleh pakar muzik Arab iaitu Ishaq bin Ibrahim al-Mawsili al-Nadim (155-235 hijrah).<sup>1137</sup>

## **Pengertian, Gaya Dan Peranan Tarannum**

---

<sup>1133</sup>Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998m), *Qawa'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur : Darul Fikr, hlm 114

<sup>1134</sup>*Ibid.*

<sup>1135</sup>al-Fattani, Mohd. Salleh B. Zainal Abidin, Syaykh (1938m), *Siraj al-Qari : Pada Bicara Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, Pulau Pinang : Maktabah wa Matba'ah Dar al-Maarif, hlm 58.

<sup>1136</sup>Beliau berketurunan Yunani dan terkenal dalam ilmu matematik, geografi dan astronomi.

<sup>1137</sup>Beliau adalah pengiring Khalifah yang terkenal, seorang pakar ilmu bahasa, sejarah, ilmu islam dan ilmu kalam.

Setiap tarannum Al-Quran mempunyai pengertian, gaya dan peranannya yang tersendiri.<sup>1138</sup> Ini bertujuan untuk menjelaskan perbezaan serta kedudukan suatu tarannum yang dibawa oleh seseorang qari.

Daripada nama-nama tarannum yang disebutkan di atas hanya beberapa tarannum sahaja yang masih kekal di bawa di dalam pembacaan Al-Quran sehingga kini. Sementara yang lain, sama ada mengalami kepupusan ataupun hanya diamalkan di dalam irama-irama yang lain seperti nasyid, qasidah, barzanji dan seumpamanya.

Berikut adalah tarannum-tarannum yang masih kekal dan diamalkan sehingga ke hari ini.

### **Bayyati**

Perkataan Bayyati dikatakan berasal dari kalimah Arab yang bererti rumah. Ia dikaitkan demikian kerana biasanya tarannum Bayyati adalah tarannum permulaan, penaung dan penutup kepada satu persembahan bacaan.<sup>1139</sup> Perkara penting yang perlu diketahui oleh seorang qari ialah mengenal gaya sesuatu tarannum serta mengetahui peranannya untuk disesuaikan dengan kehendak pembacaan ayat Al-Quran itu sendiri.

Tarannum Bayyati mempunyai gaya gerak yang lembut tetapi tegas. Ini berpunca dari penggunaan suaranya yang rendah namun ketegasannya mesti wujud untuk mengelakkannya menjadi lemah. Ia adalah tarannum permulaan dan penutup khususnya dalam majlis tilawah Al-Quran.

Tarannum Bayyati berperanan untuk mempelbagaikan corak dan bunyi. Ini bermaksud setiap harakat<sup>1140</sup> yang dibawa akan menggunakan suara yang berlainan dan bentuk harakat yang lain.

Bayyati juga menjadi kayu pengukur kepada tarannum seterusnya yang akan di bawa. Pada tahap mana suara dan tarannum tersebut berada, maka begitulah juga ukuran pada tarannum seterusnya.

### **Husayni**

Perkataan Husayni berasal dari perkataan Arab yang bererti cantik. Ia merupakan cawangan kepada tarannum Bayyati dan berasal dari tarannum Arab Hijazi serta diubah suai dan digubah semula oleh qari Mesir.<sup>1141</sup>

---

<sup>1138</sup> \_\_\_\_\_ (1986m), *Buku Panduan : Kursus Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran*, Kuala Lumpur : Bahagian Agama Kementerian Pendidikan, hlm 25.

<sup>1139</sup> Temubual dengan Hj Nordin Idris pada 14 Mac 2008. Beliau adalah johan Antarabangsa pada tahun 1987.

<sup>1140</sup> Maksud harakat akan diterangkan dalam sub-topik harakat.

<sup>1141</sup> Temubual dengan tuan haji Hasan Musa di rumah beliau di taman Sri Pengkalan Chepa Kota Bharu pada 10 Januari 2008. Beliau adalah johan antarabangsa 1964.

Husayni adalah tarannum yang mempunyai gerak yang cepat, gaya yang hangat<sup>1142</sup> dan sesuai dengan tabaqah yang tinggi. Sebahagian ahli tarannum menggolongkannya didalam tarannum Bayyati sahaja, cuma berbeza dari segi ketinggian suaranya sahaja. Ini bermaksud ketika ianya rendah dipanggil Bayyati dan ketika ianya tinggi dipanggil Husayni.

Pandangan ini memang berasas. Ini kerana setiap qari yang akan menyudahkan sesuatu bacaan akan menurunkan suaranya dahulu hingga ke tahap husaini sebelum mengakhirinya dengan Bayyati.

### Mengenal harakat tarannum Husayni

Harakat-harakat tarannum Husayni dapat dikenali dengan beberapa ciri :

- a) Harakat Husayni biasanya bersambung dengan harakat 4 dan 5 tarannum Bayyati permulaan.
- b) Harakat Husayni boleh dibaca dan disusun secara berasingan tanpa disambung dengan mana-mana tarannum tertentu.
- c) Harakat Husayni sering juga disambung dengan harakat Bayyati penamat.<sup>1143</sup>

### Nahawand

Tarannum Nahawand berasal dari Hamadan, Farsi.<sup>1144</sup> Tarannum ini telah mengalami perubahan dari identitinya yang asal. Ia digubah oleh qari-qari Mesir. Kini ia tergolong dalam tarannum Misri.<sup>1145</sup>

Tarannum Nahawand bersifat lembut, ringan dan cepat. Ia amat sesuai dengan tahap suara rendah.

Seorang qari membawa tarannum Nahawand dengan tujuan berikut :

1- setiap tarannum yang tegas dan hangat, harus dilembutkan dengan gaya tarannum yang lain dan inilah peranan Nahawand. Sekiranya tidak demikian, bacaan tersebut sentiasa keras dan tiada seni.

2 – menyesuaikan dengan ayat yang dibaca. Sebagai contoh, ayat yang berbentuk cerita dan kisah amat sesuai dengan tarannum Nahawand.<sup>1146</sup>

---

<sup>1142</sup>Beberapa istilah seperti cepat, lambat, cergas, hidup, berbunga dan lain-lain adalah istilah yang berkisar di kalangan ahli tarannum yang memberi makna khusus. Ia tidak memberi makna seperti perkataan asal tersebut. Ini kerana manisnya sebiji epal tidak dapat diceritakan sebaik-baiknya melainkan dengan memakannya.

<sup>1143</sup>Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992m), *Pengajian Al-Quran Bertarannum Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*, (Kertas Projek Ukm), Hlm 32.

<sup>1144</sup>SebahagiandariIranandIraqkini.

<sup>1145</sup>Hj Nordin Idris. *Op.cit.*

<sup>1146</sup>*Ibid.*

## Rast

Tarannum Rast berasal dari Farsi.. Ia terkenal dengan nama tarannum yang cantik disebabkan gayanya yang menawan. Dalam setiap bacaan yang dibaca, jarang sekali seorang qari meninggalkannya tarannum ini. Ia menjadi antara tarannum popolar di kalangan qari di Malaysia.<sup>1147</sup>

Tarannum Rast mempunyai gerak yang ringan dan cepat. Sifat ini membuat bacaan seorang qari lebih cergas dan bersemangat. Ia dapat disesuaikan dengan mana-mana *tabaqah* sama ada tinggi atau rendah.<sup>1148</sup>

Dengan itu, tarannum ini penting untuk dibawa kerana ia memberi tenaga kepada bacaan seorang qari yang sudah kelihatan lemah dan tidak bermaya.

## Hijaz

Tarannum Hijaz berasal dari suatu daerah di Hijaz iaitu Makkah dan Madinah. Orang-orang Hijaz selalu membawa tarannum ini yang mempunyai rentak yang agak kasar dan alunan yang terang. Ia juga dianggap raja tarannum dikalangan para qari.<sup>1149</sup>

Gerakan tarannum Hijaz agak lambat namun memberi kesan yang mendalam kepada pendengar. Sifatnya yang tegas dan bersemangat pula adalah menyebabkan ia sesuai kepada mana-mana *tabaqah* suara.

Gaya tarannum ini harus dipilih oleh seorang qari pada ayat-ayat berkenaan hukum-hakam, penegasan dan ancaman.

## Saba

Tarannum Saba berasal dari Mesir dan ia merupakan cawangan kepada tarannum Bayyati.<sup>1150</sup> Perkataan saba dalam bahasa Arab bererti rindu dan belas kasihan<sup>1151</sup>. Sifat ini kelihatan amat jelas ketika seorang qari mentarannumkannya. Ini kerana gayanya berunsur kesedihan dan meruntun jiwa.

Walaupun demikian, ia tidaklah bermakna ia dibuat-buat, namun sifat tarannum itu sendiri akan kelihatan seperti berada didalam kesedihan.

---

<sup>1147</sup>Temubual dengan hajjah Setina binti Ismail di rumah beliau di kampung Binjai Pasir Mas. Kelantan pada 17 Mei 2008. Beliau adalah johan antara bangsa 1967.

<sup>1148</sup>*Ibid.*

<sup>1149</sup>Hj Hasan Musa, *op.cit.*

<sup>1150</sup>Hj Nordin Idris, *op.cit.*

<sup>1151</sup>Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqi al-Misri(1405h), *op.cit.*, Jld 14 hlm 449.

Tarannum saba sesuai dibawa ketika seorang qari ingin meredakan ketegangan dalam bacaan dan melembutkannya. Ia akan melahirkan keinsafan dan kekhusyukan dalam bacaan sesuai dengan tuntutan Al-Quran itu sendiri.

### **Sikah**

Tarannum sikah berasal dari Farsi (Iran). Ia dipelopori oleh para ahli tarannum Misri dan kekal menjadi sebahagian dari tarannum popular di kalangan qari-qari Malaysia dan dunia amnya.

Antara sifat-sifat tarannum sikah ialah lambat, lembu dan cenderung kepada kesedihan. Ia amat sesuai dengan ayat-ayat yang bersifat memohon, merayu dan merintah untuk menyentuh perasaan para pendengar.

Ia juga berperanan untuk melembutkan bacaan khususnya dalam nada tinggi yang disampaikan oleh seorang qari.

### **Jiharkah**

Tarannum Jiharkah dikatakan berasal dari tanah Hijaz. Tarannum ini adalah popular di kalangan masyarakat Melayu namun kebanyakannya tidak mengetahui. Pada setiap hari raya sama ada 'Id al-Fitri dan 'Idul Adha, maka takbir hari raya akan dikumandangkan dengan tarannum Jaharkah. Ia disebabkan kesesuaian suasana dan identiti Jiharkah itu sendiri. Sekiranya diubah dengan tarannum lain, maka ia akan mencacatkan nada dan intonasi khususnya pada takbir tersebut.<sup>1152</sup>

Jiharkah bersifat ringan, sedih dan lembut. Ia akan meredakan ketegangan dan melembutkan bacaan serta memberi kekhusyukkan kepada para pembaca dan pendengar.<sup>1153</sup>

Demikianlah huraian ringkas mengenai tarannum-tarannum yang selalu diperdengarkan oleh qari-qari kelantan khasnya dan malaysia amnya ketika membaca ayat-ayat suci Al-Quran. Tarannum-tarannum di atas dipilih berdasarkan kepopularannya di Malaysia.

Sebenarnya masih terdapat pelbagai tarannum lain seperti Kurdi, 'Ajam, 'Iraqi dan Nawa Asar yang merupakan cawangan atau pecahan daripada tarannum-tarannum tersebut.

Sebahagian ahli tarannum berpendapat, terdapat 28 jenis tarannum Al-Quran, manakala menurut satu sumber yang lain menyebutkan ada 350 tarannum yang boleh dialunkan ketika membaca Al-Quran.<sup>1154</sup>

---

<sup>1152</sup>Hj Setina Ismail, *op.cit*

<sup>1153</sup>*Ibid.*

<sup>1154</sup>al-Fattani, Mohd. Salleh B. Zainal Abidin, Syaykh (1938m), *op.cit*, hlm 61.

## Keanjalan Sifat Dan Peranan Tarannum

Setelah kita meneliti berkenaan sifat dan peranan setiap tarannum, maka kita mendapati bahawa setiap tarannum mempunyai kesesuaiannya yang tersendiri pada ayat-ayat tertentu seperti ayat nikmat, ayat azab, suruhan, larangan dan lain-lain. Pandangan ini secara khususnya adalah berdasarkan penulisan dan komentar oleh alMarhum Dato' Nik Jaafar B Nik Ismail dalam buku beliau Qawaid al-Tarannum.

Namun, penulis sebagai murid langsung beliau telah menekuni beliau berkenaan perkara ini. Pandangan beliau yang lebih kuat khususnya ketika beliau berada dihujung usia adalah mana-mana tarannum adalah mempunyai sifat dan peranan yang bersesuaian dengan mana-mana ayat AlQuran. Hanya teknik dan pengolahan sahaja yang perlu dilakukan kepada ayat-ayat yang dibaca.

Bila diperhatikan, pandangan ini mempunyai asas yang kukuh kerana :

- 1- Seorang qari AlQuran secara amalnya tidak mengkhususkan mana2 tarannum kepada mana-mana tarannum tertentu
- 2- Dalam musabaqah atau majlis tilawah AlQuran, tiada pemotongan markah terhadap mana-mana tarannum yang di baca terhadap mana-mana ayat AlQuran.
- 3- Pemilihan tarannum wajib dalam musabaqah AlQuran Malaysia tidak dilakukan berdasarkan ayat apakah yang akan dibacakan oleh setiap peserta atau qari.

## Kesimpulan

Justeru adalah jelas bahawa tarannum mempunyai keanjalan sifat dan peranan yang bersesuaian dengan ayat-ayat AlQuran. Selagi mana ia dapat menjiwai ayat yang dibaca dan melontarkan bunyi, nada yang tepat, maka bukanlah menjadi kesalahan untuk bertarannum dengan kepelbagaian nadanya.

## Bibliografi

Abadi, Muhammad Syams al-Haqq al-'Azim , al, (1968m), *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*, al-Madinah : Maktabah al-Salafi

'Abduh, Muhammad (1980m), *al-Fatawa al-Islamiyyah Min Dar al-Ifta' al-Misriyyah*, Qahirah: Jumhuriyyah al-Misr al-'Arabiyyah, Wizarah al-Awqaf.

'Asqalani, Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar, al, (1414h) , *Fath al-Bari syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut : Dar al-Fikr

Al-Dhahabi, Muhammad Bin Ahmad Bin 'Uthman(1413), *Siyar A'Lam Al-Nubala'*, Bayrut : Muassah Al-Risalah

al-Fattani, Mohd. Salleh B. Zainal Abidin, Syaykh (1938m), *Siraj al-Qari : Pada Bicara Hukum Tajwid Kalam Allah al-Bari*, Pulau Pinang : Maktabah wa Matba'ah Dar al-Maarif.

Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail (1998m), *Qawa'id al-Tarannum*, Kuala Lumpur : Darul Fikr, hlm 114

Haji Mohammad bin Haji Yusuf (1992m), *Pengajian Al-Quran Bertarannum Di Kelantan : Sejarah Dan Perkembangannya*, (Kertas Projek Ukm), Hlm 32.

Ibn al-Athir, Majd al-Din al-Mubarak ibn Muhammad, (1963), *al-Nihayah fi gharib al-hadith wa al-'athar*, al-Qahirah: Maktabah Islamiyyah

Munawiy, Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin, al, (1356h), *Fayd al-Qadir syarh al-Jami' al-Saghir*, Misr : Maktabah al-Tijariyah al-Kubra

al-Sa'id Labib (1970m), *al-Taghanniy bi al-Quran*, al-Hay'ah al-'Ammah li al-Tawzi ' wa al-Nasyr, hlm 5.

Zamakhsyari, Mahmud Bin 'Umar, al, (1979m), *al-Fa'iq fi Gharib al-Hadith wa al-Athr*, Qahirah : Dar al-fikr,

\_\_\_\_\_ (1986m), *Buku Panduan : Kursus Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran*, Kuala Lumpur : Bahagian Agama Kementerian Pendidikan, hlm 25.

Temubual dengan hj Nordin Idris pada 14 Mac 2008. Beliau adalah johan Antarabangsa pada tahun 1987.

Temubual dengan tuan haji Hasan Musa dirumah beliau di taman Sri Pengkalan Chepa Kota Bharu pada 10 januari 2008. Beliau adalah johan antarabangsa 1964.

Temubual dengan hajah Setina binti Ismail di rumah beliau di kampung Binjai Pasir Mas. Kelantan pada 17 Mei 2008. Beliau adalah johan antara bangsa 1967.

Ibn Manzur, Muhammad Bin Mukram al-Afriqi al-Misri (1405h), *Lisan al-'Arab*, Beirut : Dar Sadir